

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH

TARIKH : 12 JUN 2014

SOALAN :

Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah tindakan Kementerian berikutan kebakaran timbunan di tapak pelupusan sampah setinggi bangunan 3 tingkat di Kerteh, Terengganu yang terletak 250 meter berhadapan pusat pendidikan alam sekitar Ecocare Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), 300 meter dari Sekolah Kebangsaan Seri Gelugor dan sebelah Sungai Kerteh yang telah terbakar lebih dari 2 minggu pada bulan Mei 2014.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian memandang serius kejadian pembakaran terbuka yang kebelakangan ini kerap berlaku di tapak-tapak pelupusan sampah. Bagi kes pembakaran terbuka di tapak pelupusan di Kerteh, Kementerian ini melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Terengganu, telah mengeluarkan surat arahan kepada Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kemaman (MPK) sebagai pemilik tapak tersebut supaya mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memadamkan pembakaran dan mencegah kebakaran dari terus merebak.

Jabatan Alam Sekitar juga sedang melengkapkan siasatan bagi membolehkan tindakan penguatkuasaan diambil atas kesalahan melakukan pembakaran terbuka di bawah Sek. 29A, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

**INPUT BOMBA DARI KPKT BERKENAAN KEJADIAN KEBAKARAN
DI TAPAK PELUPUSAN SAMPAH YANG DIDAKWA SETINGGI 3
TINGKAT OLEH YB KUALA Terengganu DI KERTEH TERENGGANU**

Sekian, terima kasih.

Disediakan oleh: P(U), Hajah Kalsom Abd. Ghani

Disemak oleh : TKP(O), Dr. Zulkifli Abdul Rahman

Diluluskan oleh : KPAS, Dato' Halimah Hassan

Maklumat Tambahan

Kebakaran di Tapak Pelupusan Sampah Kerteh telah mula dikesan oleh pasukan peronda JAS Cawangan Kemaman, Terengganu pada **23 April 2014**. Keluasan kawasan yang terbakar adalah 3 ekar. Kes tersebut telah dilaporkan dalam Akhbar Harian Sinar pada pada 11 Mei 2014. Sehingga jam 5.00 petang 28 Mei 2014, baki kawasan yang masih berasap adalah seluas 0.5 ekar. Pihak MPK sedang menjalankan aktiviti penimbunan tanah bagi memadamkan pembakaran tersebut dengan dipantau oleh pihak BOMBA Kerteh dan JAS Cawangan Kemaman.

Kementerian ini menyeru semua pihak Kerajaan tempatan dan kerajaan negeri supaya sentiasa memantau rapi operasi tapak pelupusan sampah di bawah tanggungjawab masing-masing dan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk mencegah berlakunya kebakaran di tapak-tapak tersebut. Tindakan segera juga perlulah

diambil bagi memadamkan kebakaran-kebakaran kecil yang berlaku di tapak-tapak tersebut bagi mengelakkan ianya merebak dan menyebabkan kemerosotan kualiti udara atau jerebu setempat.